



14 MAR, 2021

## Kaedah mudah lapor, bayar cukai pendapatan

Berita Harian Ahad, Malaysia

# Kaedah mudah lapor, bayar cukai pendapatan

**Kuala Lumpur:** Program Jom Klik HASIL diwujudkan bagi memudahkan pembayar cukai melaporkan pendapatan dan membayar cukai dikenakan berdasarkan kepada jumlah pendapatan diterima pada tahun berkenaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Melalui program ini, pembayar cukai digalakkan mengemukakan Borang Nyata (BN) atau membuat bayaran cukai menggunakan aplikasi MyTax yang mudah, tepat dan selamat.

Jom Klik HASIL bermatlamat menggalakkan pembayar cukai memfailkan BN secara elektronik serta memastikan ia diisi dengan betul dan tepat.

Pada masa sama, ia menggalakkan bayaran cukai dilaksanakan secara elektronik untuk menjimatkan masa dan kos.

"Jom Klik HASIL juga akan memberi khidmat nasihat percukaian kepada pembayar cukai melalui taklimat diadakan secara maya, sesuai dengan norma baharu disarankan kerajaan.

"Pembayar cukai boleh mendapatkan maklumat terkini berkaitan Program Jom Klik HASIL menerusi pautan pantas eduZONE di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)" katanya.

Menurut LHDNM, penghantaran Borang BE (Tidak Menjalan-

kan Perniagaan) di bawah program Jom Klik HASIL, akan berlangsung sehingga 30 April ini, manakala penghantaran Borang B (Menjalankan Perniagaan) akan dibuka sehingga 30 Jun.

Bagaimanapun, bagi menggalakkan pembayar cukai menggunakan perkhidmatan dalam talian, penghantaran e-BE secara e-Filing boleh dilakukan pada atau sebelum 15 Mei.

"Tempoh penghantaran adalah lebih panjang berbanding jika mengemukakan secara borang kertas di mana tarikh akhir penghantaran adalah lebih singkat, iaitu pada 30 April," katanya.

Penghantaran e-B secara e-Filing, boleh dilakukan pada atau sebelum 15 Julai, manakala tarikh

akhir penghantaran borang kertas pada 30 Jun.

Bagi individu yang tidak menjalankan perniagaan atau mereka yang berpendapatan pengajian, kebiasaannya majikan membuat potongan cukai bulanan (PCB) ke atas gaji diterima setiap bulan.

"PCB bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja membayar cukai secara sekali gus apabila cukai sebenar dikira.

"Pembayar cukai menerima bayaran balik sekiranya jumlah cukai yang dibayar terlebih dahulu menerusi PCB melebihi cukai sebenar dikenakan ke atas mereka.

"Ini berlaku apabila mengambil kira pelepasan atau rebat cukai dituntut ketika mengisi e-Filing," katanya.

LHDNM berkata, pembayar cukai yang menggunakan e-Filing bagi melaporkan pendapatan, diberi kelebihan menerima bayaran balik hanya dalam tempoh 30 hari bekerja berbanding 90 hari bekerja bagi mereka yang mengemukakan BN melalui pos atau serahan tangan.

Mengulas mengenai perkhidmatan ezHASIL, LHDNM berkata, ia akan memberi kemudahan kepada pembayar cukai menguruskan percukaian secara dalam talian.



**Pembayar cukai** boleh mendapatkan maklumat terkini berkaitan Program Jom Klik HASIL menerusi pautan pantas eduZONE di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

Katanya, perkhidmatan popular yang selalu digunakan adalah e-Filing, e-Daftar, e-Kemaskini, e-Lejar dan Byr HASIL.

Tambahnya, dengan adanya kemudahan ezHASIL, pembayar cukai kini tidak lagi perlu hadir ke Cawangan LHDNM bagi tujuan itu.

"Sejak 2020, LHDNM tidak lagi menyediakan kemudahan kaunter e-Filing di cawangan seperti tahun sebelumnya bagi membendung penularan wabak COVID-19," katanya.

Mereka yang ingin menggunakan e-Filing, perlu mendaftar sebagai pembayar cukai dan membuat pendaftaran melalui e-Daftar. Seterusnya dapatkan nombor PIN


e-Filing melalui Borang Maklum Balas Pelanggan LHDNM di pautan <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY/>.

"Selepas nombor PIN diterima, barulah anda boleh melaporkan pendapatan menggunakan e-Filing dan seterusnya membuat bayaran menggunakan ByrHASIL.

"Semakan taksiran dan bayaran boleh dibuat melalui e-Lejar. Selain daripada itu, pembayar cukai boleh mengemaskini profil mereka melalui e-Kemaskini.

"Pembayar cukai boleh mengakses sistem e-Filing melalui portal rasmi LHDNM dimana sahaja berada," katanya.

**Jom Klik HASIL juga memberi khidmat nasihat percukaian kepada pembayar cukai melalui taklimat secara maya, sesuai dengan norma baharu disarankan kerajaan.**



14 MAR, 2021

## Kaedah mudah lapor, bayar cukai pendapatan

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kuala Lumpur: Program Jom Klik HASiL diwujudkan bagi memudahkan pembayar cukai melaporkan pendapatan dan membayar cukai dikenakan berdasarkan kepada jumlah pendapatan diterima pada tahun berkenaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Melalui program ini, pembayar cukai digalakkan mengemukakan Borang Nyata (BN) atau membuat bayaran cukai menggunakan aplikasi MyTax yang mudah, tepat dan selamat. Jom Klik HASiL bermatlamat menggalakkan pembayar cukai memfailkan BN secara elektronik serta memastikan ia diisi dengan betul dan tepat.